



## PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE-153 BIL.2/2025

### DAFTAR KELUAR RESIDEN PELAJAR (*CHECK-OUT*) BAGI SEMESTER I, SESI AKADEMIK 2024/2025 DAN DAFTAR MASUK (*CHECK-IN*) SEMESTER II, SESI 2024/2025

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Saudara/i,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa semua pelajar yang mendiami di Residen Pelajar Kampus Gambang dan Pekan perlu melakukan pendaftaran keluar bilik (*check out*) dengan sempurna bermula **3 FEBRUARI 2025 sehingga 20 FEBRUARI 2025**. Semua pelajar adalah **WAJIB** untuk mematuhi perkara di bawah sebelum mendaftar keluar dari bilik masing-masing.

#### 1) Daftar Keluar Residen pelajar Semester 1 Sesi 2024/2025

- 1.1 Pelajar **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran keluar (*checkout*) dalam sistem MyGading terlebih dahulu. (**Tidak perlu mencetak borang daftar keluar**).
- 1.2 Pelajar yang balik bercuti / tamat pengajian atau pelajar yang tidak berhasrat untuk menginap di residen pelajar pada semester seterusnya adalah **DIMESTIKAN** daftar keluar, mengosongkan bilik dan memulangkan kunci bilik di pejabat residen pelajar masing-masing.
- 1.3 Sekiranya tidak daftar keluar dan tidak memulangkan kunci bilik sebelum atau pada 20 Februari 2025, pelajar boleh dikenakan kompaun tertakluk kepada kesalahan.
- 1.4 Sebarang kerosakan hendaklah dilaporkan semasa daftar keluar jika ada untuk diambil tindakan.
- 1.5 Masa daftar keluar di kaunter Pejabat Residen pelajar masing-masing adalah seperti berikut;
  - i. Isnin - Khamis (8:30 pagi – 12:30 tengahari), (2:30 petang – 4:30 petang)
  - ii. Jumaat (8:30 pagi – 12:00 tengahari) , (3:00 petang – 4:30 petang)

**2) Meninggalkan Barang Semasa Cuti Semester I Sesi 2024/2025**

- 2.1 Pelajar yang balik bercuti dan akan kembali pada semester II tidak dibenarkan untuk meninggalkan barang di dalam bilik semasa cuti semester kecuali bilik yang dijadikan bilik sementara penyimpanan barang.
- 2.2 Barang-barang hendaklah disimpan rapi dan kemas dalam kotak / bagasi di dalam bilik yang dijadikan stor sementara ataupun stor yang disediakan oleh residen pelajar.
- 2.3 Residen pelajar **TIDAK AKAN MENGAMBIL SEBARANG TANGGUNGJAWAB** atas kehilangan barang-barang yang ditinggalkan.
- 2.4 Barang-barang seperti berikut adalah tidak dibenarkan untuk ditinggalkan:
  - i) Dokumen penting seperti kad pengenalan, sijil/surat beranak, sijil-sijil akademik dan pencapaian.
  - ii) Barang kemas dan perhiasan
  - iii) Barang elektrik & elektronik
  - iv) Bahan kimia atau bahan api
  - v) Barang makanan basah mahupun kering yang boleh mengundang haiwan perosak.

**3) Keadaan Bilik Sebelum Daftar Keluar**

- 3.1 Bilik hendaklah ditinggalkan dalam keadaan yang bersih dan teratur merangkumi:
  - i) Ruang persendirian (katil, meja belajar, almari)
  - ii) Ruang rak kasut
  - iii) Bilik mandi
  - iv) Tandas
- 3.2 Sekiranya pelajar didapati meninggalkan bilik dalam keadaan tidak bersih dan tidak teratur, pelajar boleh dikenakan denda tertakluk peraturan residen pelajar yang berkuatkuasa.
- 3.3 Semua Penghuni perlu mengambil rakaman video bagi keadaan dalam bilik/rumah (katil, meja belajar, almari baju) serta kelengkapan perabot untuk ditunjukkan kepada staf di kaunter checkout.

**4) Penginapan Semasa Cuti Semester I Sesi 2024/2025**

- 4.1 Pelajar yang menginap semasa cuti semester hendaklah mendaftar di pejabat residen pelajar masing-masing dengan mengisi link di bawah;

**[PENGINAPAN SEMASA CUTI SEMESTER I SESI 2024/2025](#)**

- 4.2 Pelajar yang menginap semasa cuti semester TETAPI tidak berdaftar dengan pejabat residen pelajar dianggap sebagai penginap tanpa izin dan boleh diambil tindakan tertakluk peraturan residen pelajar yang berkuatkuasa.

**5) Caj kehilangan / kerosakan**

- 5.1 Kunci bilik – RM10.00/unit
- 5.2 Penanda kunci – Rm10.00/unit
- 5.3 Kad akses (RP4 sahaja) – RM50.00
- 5.4 Tidak melakukan proses checkout secara online – RM50.00
- 5.5 Bilik tidak dikemaskan / kotor – RM50.00
- 5.6 Perabot yang disediakan rosak (vandalisma) – RM50.00

**6) Daftar Masuk (*Check-In*) Semester II**

- 6.1 Pelajar boleh mendaftar masuk semula ke bilik masing-masing bermula **8 – 9 Mac 2025 (8:00 pagi – 3:30 petang)** di Residen pelajar masing-masing.
- 6.2 Sekiranya ada keperluan untuk mendaftar awal disebabkan terlibat dengan sesi perkuliahan awal, permohonan hendaklah melalui fakulti atau unit yang menguruskan sesi perkuliahan tersebut.

Sila pastikan para pelajar mematuhi etika berpakaian ketika hadir ke Pejabat bagi melakukan Proses Pendaftaran Keluar. Sila pamerkan juga kad matrik sekiranya diminta.

Bagi sebarang pertanyaan boleh hadir secara terus ke pejabat Residen Pelajar atau e-mel kepada [residen@umpsa.edu.my](mailto:residen@umpsa.edu.my).

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

Disediakan oleh,

**Pusat Perkhidmatan Pelajar**

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

10 Januari 2025



## PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE-154 BIL.2/2025

### CHECK-OUT FROM STUDENT RESIDENT FOR SEMESTER I ACADEMIC SESSION 2024/2025 AND CHECK-IN FOR SEMESTER II ACADEMIC SESSION 2024/2025

Assalamualaikum w.b.t. and Salam Sejahtera,

With all due respect, I am directed to refer to the matter above.

Please be informed that all students residing at the Gambang and Pekan Campus Student Residences are required to perform a proper room check-out, starting from **FEBRUARY 3, 2025, to FEBRUARY 20, 2025**. All students are **REQUIRED** to comply with the following before checking out of their rooms:

- 1) College Residence Check-out for Semester I, Session 2024/2025**
  - 1.1 Students are **REQUIRED** to perform the check-out registration (checkout) in the MyGading system first.
  - 1.2 Students who are going home for the holidays / have completed their studies or students who do not intend to stay at the residence in the next semester are **OBLIGATED** to check out, vacate the room, and return the room keys at their respective residence office.
  - 1.3 If students fail to check out and return their room keys on or before **20 February 2025**, they may be subjected to a fine, depending on the offense.
  - 1.4 Any damages should be reported during the check-out process if any, for necessary action.
  - 1.5 Check-out counter hours are as follows:
    - Monday to Thursday (8:30 am – 12:30 pm), (2:30 pm – 4:30 pm)
    - Friday (8:30 am – 12:00 pm), (3:00 pm – 4:30 pm)
  
- 2) Leaving Items During Semester Break I, Session 2024/2025**
  - 2.1 Students returning for Semester 2 after the holiday break are not allowed to leave their belongings in their rooms during the semester break, except in rooms designated as temporary storage rooms.
  - 2.2 Belongings must be neatly and securely stored in boxes or luggage within the temporary storage room or the storage facility provided by the student resident.

- 2.3 The residence **WILL NOT BE RESPONSIBLE** for any loss of items left behind.
- 2.4 The following items are not allowed to be left behind:
- i) Important documents such as identification cards, birth certificates, academic certificates, and achievements.
  - ii) Jewellery and ornaments.
  - iii) Electrical and electronic items.
  - iv) Chemicals or fuel materials.
  - v) Wet or dry food items that may attract pests.

**3) Room Condition Before Check-out**

- 3.1 The room must be left in a clean and orderly condition, including:
- i) Personal space (bed, study table, wardrobe)
  - ii) Shoe rack area
  - iii) Bathroom
  - iv) Toilet
- 3.2 If students are found to have left the room in an untidy and unclean condition, they may be fined according to the residence regulations in effect.
- 3.3 All residents are required to take a video recording of the room's condition (bed, study table, wardrobe, and furniture) to show to the staff at the check-out counter.

**4) Accommodation During Semester Break I, Session 2024/2025**

- 4.1 Students staying in the student resident during the semester break must register at their respective student resident office by completing the link provided below:

**[PENGINAPAN SEMASA CUTI SEMESTER I SESI 2024/2025](#)**

- 4.2 Students staying during the semester break WHO DO NOT REGISTER with the residence office will be considered unauthorized occupants and may face action under the applicable residence regulations.

**5) Charges for Loss/Damage**

- 5.1 Room key – RM10.00/unit
- 5.2 Key tag – RM10.00/unit
- 5.3 Access card (RP4 only) – RM50.00
- 5.4 Failure to complete the online check-out process – RM50.00
- 5.5 Unclean or untidy room – RM50.00
- 5.6 Damaged furniture (vandalism) – RM50.00

**6) Check-In for Semester II**

- 6.1 Students may check back into their respective rooms starting from **8 – 9 March 2025** (8:00 am – 3:30 pm) at their respective student residents.

6.2 If there is a need for early check-in due to participation in early lecture sessions, applications must be made through the faculty or unit responsible for managing the lecture sessions.

Please ensure that you adhere to the dress code when attending the Office (according to the operating schedule below) to perform the Check-Out Registration Process. Please also present your matrix card if requested.

For any inquiries, you may visit the Student Residence Office directly or e-mail [residen@umpsa.edu.my](mailto:residen@umpsa.edu.my) .

That is all for the information and students action. Thank you.

Prepared by,

**Center for Student Services**

Department of Student Affairs & Alumni

January 10, 2025